

Wanita hamil dijangkiti Zika

Kosmo
8/9/16
mls 16

Oleh NOR SHAFAWATI YUP



INILAH kawasan Taman Desa Harmoni di Johor Bahru yang merupakan lokasi seorang wanita hamil dijangkiti virus Zika.



KERATAN Kosmo! 2 September 2016.

“Seperti yang diramalkan sebelum ini, Johor berhampiran dengan Singapura mempunyai risiko besar jangkitan Zika dan langkah pencegahan telah dilakukan bagi memastikan virus itu tidak menular ke negara ini,” katanya.

Tambah beliau, pemantauan mendapati, terdapat 30 kes yang mempunyai tanda-tanda Zika sejak 1 hingga 6 September lalu, namun ujian yang dijalankan mendapati, kesemua kes adalah negatif.

Dalam pada itu, Subramaniam memaklumkan Mesyuarat Jemaah Menteri semalam memutuskan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Ahmad Zahid Hamidi akan memperkerusi Jawatankuasa Majlis Kebersihan Persekutuan dalam masa terdekat.

Katanya, jawatankuasa itu akan berjumpa dengan semua agensi kerajaan berkaitan untuk menyelaraskan aktiviti-aktiviti kawalan vektor dalam usaha membasmi pembiakan nyamuk Aedes bagi menangani penularan virus Zika.



KERATAN Kosmo! 2 September 2016.

disahkan virus Zika yang dijangkiti wanita mengandung itu berpunca daripada hubungan seks atau gigitan nyamuk (Aedes) di kawasan sekitarnya. Kita sedang menunggu laporan sama ada suami wanita terbahit positif Zika atau tidak,” ujarnya.

Mengulas lanjut, Subramaniam memberitahu, wanita mengandung tersebut kini di bawah pengawasan dan pemantauan berterusan oleh pakar sakit puan.

Sebagai langkah pencegahan, katanya, kawalan vektor telah dilakukan di kawasan kediaman pesakit dan orang terdekatnya serta-merta selain tempat yang pernah dikunjungi di Johor.

“Sehingga kini, aktiviti kawalan nyamuk Aedes di Johor telah dipertingkatkan dengan 400 buah rumah telah diperiksa dan 450 premis disembur fogging bagi menghapuskan tempat pembiakan nyamuk.

INFO

Kronologi kes Zika di Malaysia

1 September 2016 - Malaysia mencatatkan kes virus Zika pertama apabila seorang wanita dari Klang, disahkan positif dijangkiti virus itu, selepas pulang dari Singapura pada 21 Ogos lalu

3 September 2016 - Kementerian Kesihatan mengesahkan kes virus Zika tempatan pertama melibatkan seorang lelaki berusia 61 tahun berbangsa Dusun dari Likas, Sabah. Bagaimanapun, lelaki itu disahkan meninggal dunia akibat komplikasi masalah jantung yang dihadapinya

7 September 2016 - Seorang wanita berusia 27 tahun dari Taman Desa Harmoni, Johor Bahru menjadi mangsa pertama melibatkan wanita mengandung yang disahkan positif dijangkiti virus Zika

INFO

Simptom virus Zika

- Individu yang dijangkiti virus Zika akan menghidap penyakit demam berterusan antara tiga hingga ke tujuh hari
- Mereka juga akan menghidap beberapa simptom lain seperti sakit kepala, ruam pada kulit, sakit sendi serta mata menjadi kemerahan
- Mudah berasa letih dan sentiasa berasa lesu juga merupakan antara tanda seseorang itu menghidap virus Zika
- Sekiranya tanda-tanda virus Zika semakin teruk atau berlaku komplikasi, individu yang dijangkiti perlu segera mendapatkan rawatan lanjut terutamanya bagi wanita yang hamil
- Dapatkan rawatan segera untuk menghilangkan demam
- Banyakkan minum air masak dan dapatkan rehat secukupnya
- Pakai baju berlengan panjang dan labuh supaya tidak mudah digigit nyamuk Aedes

PUTRAJAYA – Seorang wanita berusia 27 tahun dari Taman Desa Harmoni, Johor Bahru, Johor menjadi wanita hamil pertama yang disahkan positif dijangkiti virus Zika selepas mendapatkan rawatan di Hospital Sultanah Aminah di Johor Bahru kelmarin.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. S. Subramaniam berkata, wanita yang sedang hamil anak pertama dengan usia kandungan sekitar empat bulan itu mula mengalami gejala demam, ruam dan sakit badan pada 2 September lalu.

“Pesakit mendapatkan rawatan di hospital kerajaan pada Isnin lalu setelah dirujuk oleh pengamal perubatan swasta dan kemudiannya dimasukkan ke wad untuk siasatan lanjut.

“Ini merupakan kes pertama jangkitan Zika melibatkan ibu mengandung di negara ini dan yang ketiga dilaporkan selepas kes pertama di Taman Botani, Klang dan kedua di Sabah,” katanya pada sidang akhbar di sini semalam.

Menurut Subramaniam, hasil siasatan Kementerian Kesihatan mendapati, kali terakhir wanita itu melawat Singapura adalah enam bulan lalu.

“Bagaimanapun, suaminya yang bekerja di Geylang, Singapura didapati berulang-alik setiap hari dan dia juga menunjukkan tanda-tanda jangkitan sejak 2 September lalu dan dimasukkan ke wad untuk pemeriksaan lanjut.

“Setakat ini, belum dapat